

## ARAHAN 14/2020

### DI BAWAH BAB 62A AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 204

1. Menurut Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2020 yang berkuatkuasa bermula 30 Januari 2020 dan sebagaimana kenyataan media Kementerian Kesihatan yang disiarkan pada 26 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 20 Mei 2020,
  - 1.1. Premis-premis perniagaan establismen kesihatan dan kecantikan iaitu yang membuat perkhidmatan dandanan rambut, gunting rambut serta spa termasukurut adalah dikehendaki untuk mengamalkan kebersihan diri dan tempat premis. Para pekerja dan kakitangan adalah dikehendaki untuk menggunakan penutup muka dan apron serta sarung tangan (jika bersesuaian) di samping membersihkan peralatan yang digunakan seperti tempat duduk atau katil setiap kali selepas ianya digunakan. Para pekerja dan kakitangan adalah juga diingatkan untuk menjaga kebersihan diri dan kerap mencuci tangan.
  - 1.2. Bagi kedai dandanan rambut atau kedai gunting rambut, tempat duduk pelanggan hendaklah dijarakkan sekurang-kurangnya satu meter ataupun diselang-selikan.

2. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggala 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tarikh: 26 Syawal 1441  
18 Jun 2020